



KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Wilayah Persekutuan)

KELAS BAHASA ANTARABANGSA UNTUK KANAK-KANAK DI PUTRAJAYA 6 APRIL 2026

1. Perbadanan Putrajaya (PPj) terus memperkukuhkan usaha melahirkan generasi muda yang berdaya saing melalui penguasaan pelbagai bahasa antarabangsa selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI untuk membina rakyat yang kompeten di peringkat global tanpa mengabaikan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan serta nilai budaya Masyarakat Malaysia.
2. Sejak diperkenalkan pada tahun 2010, program kelas bahasa anjuran PPj telah memberi manfaat kepada lebih dari 570 peserta dalam kalangan warga Putrajaya. Inisiatif ini dilaksanakan dengan kos minimum kepada peserta manakala kos sebenar pembelajaran termasuk elaun tenaga pengajar dan pengurusan latihan ditanggung oleh PPj.
3. Bagi tahun 2026, program ini diperluaskan dengan pelaksanaan dua kohort yang dijangka memanfaatkan sekurang-kurangnya 240 peserta. Kelas ini akan merangkumi pembelajara Bahasa Inggeris, Bahasa Arab, Bahasa Mandarin dan Bahasa Korea.
Kohort 1: Mulai 11 April 2026 hingga 14 Jun 2026
Kohort 2: Mulai 11 Julai hingga 06 September 2026
4. Pemilihan bahasa yang ditawarkan adalah berdasarkan permintaan dan keperluan semasa komuniti di Putrajaya termasuk kadar penyertaan program terdahulu serta maklum balas ibu bapa dan peserta. Pendekatan ini memastikan sumber yang disediakan memberi impak maksimum kepada kumpulan sasaran. Pada masa yang sama, PPj sentiasa terbuka untuk mempertimbangkan penawaran bahasa tambahan termasuk Bahasa Tamil sekiranya terdapat permintaan yang mencukupi dan penyertaan yang mampan daripada komuniti setempat.
5. Kelas akan diadakan pada hujung minggu selama lapan sesi diempat Pusat Pembelajaran Kejiranan (PPK) Putrajaya seperti berikut:
 - PPK Presint 8 – Bahasa Mandarin
 - PPK Presint 9 – Bahasa Inggeris
 - PPK Presint 11 – Bahasa Arab
 - PPK Presint 16 – Bahasa Korea
6. Program ini terbuka kepada kanak-kanak dan remaja berumur 7 tahun ke atas untuk menyertai keempat-empat kelas bahasa yang ditawarkan.
7. Bagi memastikan komitmen peserta, bayaran pendaftaran dikenakan pada kadar minimum RM20 bagi setiap bahasa dan kohort. Kadar ini jauh lebih rendah berbanding kelas bahasa komersial di pasaran yang boleh mencecah antara RM320 hingga RM480 bagi lapan sesi pembelajaran.
8. PPj juga sedang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi meneroka pengiktirafan sijil penyertaan program ini sebagai sebahagian daripada aktiviti sokongan dalam Pentaksiran Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PJSK).
9. Dalam masa yang sama, PPj mengalu-alukan penglibatan sektor swasta dalam memperkukuh pembangunan komuniti. Pada tahun ini, Carsome Sdn. Bhd. tampil sebagai rakan strategik dengan sumbangan berjumlah RM40,000 bagi menjayakan inisiatif ini. Selain itu, melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR), sebanyak 100 keping kad minyak bernilai RM50 setiap satu turut disumbangkan kepada golongan asnaf dan B40 di Putrajaya.
10. Kerajaan komited untuk memastikan akses kepada peluang pembelajaran berkualiti terus diperluaskan secara inklusif responsif kepada keperluan komuniti dan mampan khususnya kepada generasi muda daripada keluarga berpendapatan rendah.
11. Saya menyeru agar peluang ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh anak-anak Putrajaya untuk meningkatkan kemahiran komunikasi, memperluas horizon pemikiran dan memperkukuh daya saing mereka pada masa hadapan.